

30 MAY 2003

G8-EVIAN/I

PERANCIS MAHU GERAKKAN SEMULA JENTERA EKONOMI GLOBAL DI G8

Oleh: Yong Soo Heong

EVIAN (Perancis), 30 Mei (Bernama) --- Pada Ahad ini, Evian, bandar indah tepi tasik di kaki Banjaran Perancis (French Alps) yang terkenal dengan air minumannya yang segar, akan menjadi tuan rumah bagi Dialog Tidak Rasmi Sidang Kemuncak G8, perjumpaan lapan negara perindustrian utama dunia dan 13 ketua-ketua negara dari negara membangun.

Kumpulan G8 dianggotai Perancis, Amerika Syarikat, Jepun, Britain, Kanada, Itali, Jerman dan Russia dan mereka secara kolektifnya menyumbang sebahagian besar daripada kekayaan dunia.

Sidang kemuncak tahun ini telah menampilkan satu dimensi baru apabila Presiden Perancis Jacques Chirac telah menggunakan kelebihan sebagai tuan rumah untuk mengundang lebih ramai ketua-ketua negara berbanding kebiasaannya bagi berbincang mengenai banyak isu-isu penting yang melibatkan negara-negara tersebut serta rakyat mereka.

Chirac berharap Sidang Kemuncak Evian akan menjadi titik permulaan ke arah satu tindakan yang lebih padu dan membina dari segi meningkatkan taraf hidup rakyat terutama di negara-negara membangun dan menggerakkan negara-negara G8 untuk mengambil tindakan ke arah merangsangkan lebih banyak kegiatan ekonomi.

Inisiatif seumpama ini tidak dapat dielak akan membangkitkan persoalan mengenai globalisasi, satu isu di mana di sesetengah negara ia dilihat dengan penuh kesangsian kerana dikatakan akan mengundang lebih banyak masalah berbanding peluang-peluang yang tersedia.

Bagaimanapun untuk menghapuskan keraguan ini dan mencapai persetujuan sebulat suara bagi mencari cara terbaik menangani isu ini, beliau memilih dengan berhati-hati tetamu jemputannya agar ia dapat mewakili semua pihak yang terbabit di setiap bahagian global. Atas alasan itulah beliau telah mengundang Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang juga Pengerusi Pergerakan Negara-Negara Berkecuali dengan 116 anggota.

Dr Mahathir, yang terkenal dengan pandangannya yang lantang terhadap globalisasi sering menegaskan keperluan bagi memastikan negara-negara membangun tidak "ditelan" oleh negara-negara maju di atas nama globalisasi.

Ketua-ketua negara bukan G8 lain yang akan hadir di Evian termasuklah Presiden Afrika Selatan Thabo Mbeki, Presiden China Hu Jintao, Presiden India Atal Bihari Vajpayee, Presiden Mesir Hosni Mubarak, Raja Maghribi Mohammed VI, Presiden Mexico Vicente Fox Quesada dan Presiden Brazil Luiz Inacio Lula da Silva.

Personaliti utama lain yang turut menghadiri sidang kemuncak itu termasuklah Setiausaha Agung Bangsa-Bangsa Bersatu Kofi Annan, Ketua Pengarah Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO) Supachai Panitchpakdi, Pengarah Urusan Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) Horst Kohler dan Presiden Bank Dunia John Wolfensohn.

Perjumpaan G8 diadakan setiap musim panas sama ada pada Jun atau Julai bagi membolehkan ketua-ketua ekonomi utama dunia membincangkan isu-isu semasa dunia.

Ini merupakan kali kelima Perancis menjadi tuan rumah bagi Sidang Kemuncak G8.

Dua sidang kemuncak pertama diadakan berdekatan Paris 1975 (Rambouillet), 1982 (Versailles) manakala yang ketiga dan keempat diadakan di Lyon (1989) dan Paris (1996).

Sidang Kemuncak G8, yang bermula sebagai G7, merupakan inisiatif Perancis pada 1975 apabila Presiden Giscard d'Estaing mempelawa ketua-ketua

kerajaan dari Jerman, Britain, Jepun, Amerika Syarikat dan Itali menghadiri satu perjumpaan tidak rasmi bagi membincangkan isu-isu dunia pada ketika dunia sedang dicengkam krisis minyak.

Kanada diterima sebagai anggota pada 1976 dan perkumpulan itu menjadi G8 apabila Russia menyertainya pada 1998.

Di Evian, Chirac berharap agar ketua-ketua G8 boleh menghantar mesej yang kukuh bagi bahagian-bahagian seperti mewujudkan keadaan yang sesuai bagi pertumbuhan ekonomi, mencapai kemajuan ekonomi yang mapan dan mempunyai keupayaan menangani ancaman keganasan dan pembiakan.

Dalam komennya sepanjang dua minggu lepas Chirac berkata pertumbuhan ekonomi global mengalami penurunan yang besar sejak dua tahun lalu yang diburukkan lagi oleh keadaan tidak menentu dunia.

Penurunan ekonomi dunia itu telah menjejaskan semua rantau ekonomi utama dan kebanyakan negara maju, meningkatkan kadar pengangguran, defisit fiskal berkembang, perniagaan syarikat besar dan kecil berdepan waktu yang sukar dan pengguna merasa bimbang.

Ini, tegasnya, juga telah membantutkan pertumbuhan global dan pembangunan di negara-negara Selatan dan negara membangun.

Pandangannya ini turut dikongsi bersama oleh Dr Mahathir ketika beliau menerima kunjungan Chancellor Jerman Gerhard Schroeder di Putrajaya baru-baru ini apabila beliau berkata "keadaan dunia semakin merosot dan ekonomi dunia juga semakin menurun."

Ketika Chirac mendokong matlamat utama seperti membasmi kemiskinan dan meningkatkan taraf hidup rakyat menerusi penjagaan kesihatan dan prospek pekerjaan yang lebih baik, ramai yang memerhati sidang kemuncak tahun ini dengan penuh minat kerana buat pertama kalinya ketua-ketua kuasa Barat bertemu bersama-sama sejak pencerobohan di Iraq yang diketuai oleh Amerika Syarikat dan sekutu nombor satunya Britain, pada Mac tahun ini.

Presiden AS George W. Bush akan menghadiri sidang kemuncak itu bersama Presiden Russian Vladimir Putin, Perdana Menteri Britain Tony Blair, Perdana Menteri Kanada Jean Chretien, Perdana Menteri Jepun Junichiro Koizumi dan Presiden Itali Silvio Berlusconi.

Ketika Perancis, Jerman, Russia mendesak tindakan ketenteraan ke atas Iraq dihentikan, AS dan Britain pula memutuskan untuk melancarkan serangan bagi mencari senjata pemusnah besar-besaran di Iraq dan menyingkirkan rejim Presiden Saddam Hussein yang didakwa mempunyai kaitan dengan kumpulan pengganas Al Qaeda.

Schroeder mengecam tindakan Amerika dan British itu sebagai aksi "pengembaraan ketenteraan" manakala Chirac menyatakan bahawa "perang adalah pintu kepada kekalahan...jalan penyelesaian paling buruk."

Malahan Dr Mahathir pernah menyatakan bahawa pencerobohan ke atas Iraq adalah tidak wajar dan memuji Perancis, Jerman dan Russia kerana masih berpegang teguh dengan persetujuan sebulat suara Bangsa-Bangsa Bersatu dan antarabangsa.

Dengan bayangan terbaru daripada setiausaha pertahanan AS Donald Rumsfeld bahawa tiada sebarang senjata pemusnah besar-besaran ditemui di Iraq, ia kelihatan seolah-olah mengesahkan "pasukan bersekutu" AS dan Britain telah menjalankan pengembaraan ketenteraan seperti yang digambarkan oleh Schroeder.

Tetapi kini dengan keadaan yang semakin reda, Chirac mahu memperbetulkan semula keretakan hubungan antara kuasa-kuasa Barat, mengeneipkan sebarang perbezaan pandangan dan bergerak ke arah isu-isu yang lebih penting seperti kemajuan ekonomi apabila beliau berkata keadaan kini adalah masa yang sesuai untuk memulihkan ekonomi dunia.

Dalam usaha untuk menunjukkan bahawa sudah sampai masanya untuk terus bergerak ke hadapan, Chirac berkata, "Selepas berdepan dengan kesukaran sejak beberapa bulan ini, Sidang Kemuncak Evian merupakan satu peluang baik

untuk menunjukkan bahawa setiap negara boleh bekerjasama antara satu sama lain demi kebaikan kemanusiaan menerusi pertumbuhan ekonomi mereka." --  
BERNAMA

SHY MR ZK